

## **Tutorial Sarikata (Asas)**

Dari keycore89 (keycore89@yahoo.com)



Assalamualaikum, ini ialah tutorial mudah bagaimana untuk membuat sarikata... Diharap semua memahaminya. Adalah diingatkan tutorial ini ialah tutorial umum (General Tutorial), anda tidak perlu mengikut cara saya melakukannya satu persatu, tetapi hanya perlu memahami cara untuk melakukannya. Hajimeoka? = Boleh mulakannya?

### 1. Software

Saya dan beberapa kawan subber menggunakan aegisub, iaitu software membuat sarikata yang sudah terkenal (drama dan anime seperti keluaran sars-fansubs dan vegapunk juga menggunakannya). Selain itu, ada juga software yang lama seperti medusa, subtitler maker, tetapi sudah kurang penggunaannya (kerana kurang mampu dalam melakukan sesetengah fungsi hebat seperti karaoke)


Untuk perkembangan terbaru, sila lawati laman web pembangun software ini :

[http://malakith.net/aegiwiki/Main\\_Page](http://malakith.net/aegiwiki/Main_Page)

Link ke laman web ini juga terdapat ni [www.denomalaysubs.wordpress.com](http://www.denomalaysubs.wordpress.com) saya. Terdapat juga link untuk keluaran lama iaitu versi 1.10 yang tidak lagi boleh dimuat turun dari laman web pembangun software ini.

Sebarkan tutorial ini kepada kawan-kawan anda tanpa sebarang ubahsuaian! Mari kembangkan dunia subbing Malaysia!

## LAYOUT AEGISUB



~Asas Layout Aegisub~

Sebarkan tutorial ini kepada kawan-kawan anda tanpa sebarang ubahsuaian! Mari kembangkan dunia subbing Malaysia!

## 2. RAW Video


Sarikata pada video dihasilkan dengan meletakkan sarikata ke video kosong (tanpa sarikata) dan diproses kemudian. Jadi diingatkan untuk kualiti yang baik, sentiasa gunakan video mentah untuk hasil yang terbaik. Ini kerana pasti nampak teruk jika melapiskan sarikata anda di sarikata yang sudah ada pada sesuatu video itu.

Load video tersebut.

Video < Load Video

Tunggu untuk video tersebut loading sepenuhnya. Jika mempunyai masalah dengan playback pada video tersebut, ini bermakna ada masalah dengan codec pada komputer anda. Tentang masalah tersebut, sila ke [www.free-codecs.com](http://www.free-codecs.com) untuk bantuan.


Layout Aegisub akan kelihatan seperti begini




Sebarkan tutorial ini kepada kawan-kawan anda tanpa sebarang ubahsuaian! Mari kembangkan dunia subbing Malaysia!

### 3. Memasukkan sarikata

Proses yang penting ialah menulis text untuk diletakkan pada video tersebut.



Tekan Enter untuk menulis text seterusnya atau Ctrl + ENTER untuk membuat perubahan tanpa ke text seterusnya. Ia akan menjadi begini.



Perhatikan tab Start dan End. Ini bermaksud text #1 berada pada masa 0:00:00.00 dan berakhir pada 5 saat kemudiannya, 0:00:05.00

**KONKLUSI :** Inilah asasnya menulis sarikata, bermaksud setiap barisan melambangkan ayat yang akan keluar pada video untuk tempoh-tempoh tertentu. Jadi, begini sahaja yang dilakukan sehingga akhir video. Hanya perlu menaip ayat-ayat yang perlu untuk setiap dialog yang disebut ataupun perkataan yang perlu diterjemah. (Walaupun kadangkala boleh mencecah sehingga 300+ baris)

Selesai asas meletakkan text, kita terus kepada bab seterusnya, Styling

Sebarkan tutorial ini kepada kawan-kawan anda tanpa sebarang ubahsuaian! Mari kembangkan dunia subbing Malaysia!




#### 4. Styling

Styling, atau orang yang bertanggungjawab melakukan ini, Typesetter ialah untuk memberi rupa kepada sarikata tersebut. Contoh mudah ialah seperti dalam sarikata Kamen Rider Den-O saya.




Masing-masing mempunyai gaya tulisan mereka sendiri sebagai identiti pada font serta warna tulisan. Itulah Style ^\_^

Untuk memulakannya, tekan butang Style yang saya beritahu pada Layout Aegisub. Dialog Box begini akan muncul.



Sebarkan tutorial ini kepada kawan-kawan anda tanpa sebarang ubahsuaian! Mari kembangkan dunia subbing Malaysia!

Jangan risau, tak perlu penjelasan kerana semua sudah dijelaskan dengan tulisan di kotak-kotak tersebut. Default ialah style umum yang digunakan untuk semua sarikata. Tekan Edit untuk mengubah style umum ini. Box sebegini akan keluar.




Perkara	Fungsi	
Style name	Nama Style	
Font	Tetapkan font, saiz, bold, italic, dll	
Colors	Primary	Warna primer pada sarikata
	Secondary	Warna sekunder, berguna untuk karaoke
	Outline	Warna garisan luar pada sarikata
	Shadow	Warna bayang-bayang pada sarikata
Margins	Jauh sarikata dari kiri, kanan, dan atas/bawah pada video	
Alignment	Kedudukan sarikata pada video	
Outline	Outline	Ketebalan outline pada sarikata
	Shadow	Kejauhan bayang-bayang sarikata
Miscellaneous	Scale X%	Skala sarikata. Cth: 150 bermaksud 50% lebih besar dari yang asal ke paksi X (mendatar)
	Scale Y%	Skala sarikata. Cth: 150 bermaksud 50% lebih besar dari yang asal ke paksi Y (mencancang)
	Rotation	Putaran pada sarikata. Cth: 45, 90, 180
	Spacing	Membuat INI menjadi I N I (ruang pada setiap huruf)
	Encoding	Coding bahasa untuk sarikata

Tips : Ambil masa untuk belajar dan eksperimen dengan fungsi ini. Sarikata anda pasti jadi lebih menarik ^\_^

Sebarkan tutorial ini kepada kawan-kawan anda tanpa sebarang ubahsuaian! Mari kembangkan dunia subbing Malaysia!

### STYLING EXTENDED EDITION!

Langkah ini hanya akan dilakukan setelah menetapkan semua style yang ingin digunakan

pada video tersebut. Cari butang  pada toolbar Aegisub anda. Ianya membantu untuk menetapkan style kepada sarikata dengan mudah, apabila semua sarikata sudah ditulis dan di TIMING (rujuk Menetapkan masa) dengan betul. Dialog Box ini akan muncul



Secara umumnya, ia akan melalui satu persatu baris sarikata yang telah disiapkan dan menunjukkan senarai Style yang ada. Cara ini lebih mudah, hanya perlu menekan style yang dikehendaki dengan mouse dan ia akan ke barisan seterusnya secara automatik. Gunakan juga shortcut yang disediakan seperti PgUp = Barisan sebelumnya, Pg Dn = Barisan seterusnya. Semoga berjaya ^\_^

## 5. Menetapkan masa

Terdapat dua cara melakukan ini, iaitu dengan menetapkan masa setiap barisan sewaktu membuat sarikata, ataupun menulis semua sarikata terlebih dahulu dan kemudian menetapkan masanya sekaligus. Saya cadangkan cara ke-2 (jimat masa dan tenaga)

### i. Menetapkan masa bagi satu barisan

Ringkasan	Fungsi
Ctrl + 1	Ke masa START bagi barisan yang dipilih
Ctrl + 2	Ke masa END bagi barisan yang dipilih
Ctrl + 3	Menetap masa START di frame terkini
Ctrl + 4	Menetap masa END di frame terkini


Kurang faham? Ctrl + 1 digunakan untuk pergi ke masa awal sesuatu barisan bermula, Ctrl + 2 pula ke masa akhir barisan tersebut. Bagi Ctrl + 3, jika contohnya suatu dialog "Aku hebat" disebut pada masa 0:06:00.00 hingga 0:06:01.00, pergi ke masa 0:06:00.00 melalui video dan menekan Ctrl + 3. Pada masa 0:06:01.00, gunakan Ctrl + 4 pula

### ii. Menetapkan masa secara sekaligus

Untuk permulaan, Load Audio dari video.

Audio<Open Audio From Video


Tunggu sehingga loading selesai, ianya akan kelihatan seperti ini




Sebarikan tutorial ini kepada kawan-kawan anda tanpa sebarang ubahsuaian! Mari kembangkan dunia subbing Malaysia!




Pergi ke View < Audio+Subs View




Ia akan jadi seperti begini!

Tips : Nampak ? Ia bermaksud Go To Next Line After Timing, iaitu automatik ke baris seterusnya apabila selesai dengan baris tersebut. Gunakannya dengan baik!

Dengan gunakan mouse, klik kiri pada timeline tersebut. Ia menetapkan masa START, dan klik kanan menetapkan END bagi sesuatu baris. Jangan lupa untuk menekan butang  untuk melakukan perubahan tersebut (Lakukannya kepada setiap baris dalam sarikata).

Contoh hasil Timing yang sudah selesai




Setiap barisan pada video tersebut sudah diberi sarikata dan diletakkan pada tempoh masa yang tepat. Style pada sarikata juga telah diletak dan sarikata ini sedia untuk diletakkan pada video secara sepenuhnya.

Sebarkan tutorial ini kepada kawan-kawan anda tanpa sebarang ubahsuaian! Mari kembangkan dunia subbing Malaysia!

## 6. Meletakkan sarikata ke video

Saya menggunakan virtualdub untuk meletakkan sarikata ke video raw. Dapatkan Virtualdub di <http://virtualdub.sourceforge.net/>. Dapatkan juga filter textsub (untuk meletakkan sarikata ke video) di [http://avisynth.org/warpenterprises/files/textsub\\_20040308.zip](http://avisynth.org/warpenterprises/files/textsub_20040308.zip). Sudah mendapatkan file tersebut? Di sinilah tutorial sebenar bermula!



VirtualDub 1.6.17 – anda barangkali mendapat versi yang lebih baru –

**File < Open Video File (pilih video raw)**



~ Selepas Open Video ~

**Kenapa ada dua frame? Kiri ialah sebelum filter dan kanan ialah selepas filter. Buat masa ini, kesannya belum ketara lagi ^\_^.**

Sebarkan tutorial ini kepada kawan-kawan anda tanpa sebarang ubahsuaian! Mari kembangkan dunia subbing Malaysia!

